


SISWA
UPM yang
mengikuti
program
mobiliti
ke Bali.



BERGAMBAR bersama
siswa dari Universiti
Udayana yang
mempersembahkan
tarian Saraswati.



TIDAK melepaskan
peluang menikmati
hidangan di tepi pantai.



KENALI BUDAYA INDONESIA, PERKENAL BUDAYA KITA

HARIAN METRO
30/1/2017 p.7

Persatuan Teater dan Drama Pentas Kumpulan 1 dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program mobiliti ke luar negara selama empat hari ke Bali, Indonesia, baru-baru ini.

Pengarah program Layar Pariwisata, Aditya Hutama berkata program yang mendapat kerjasama Universiti Udayana, Denpasar itu bertujuan memberi pendedahan kepada siswa berkenaan budaya dan keunikan Indonesia selain memperkenalkan budaya negara ini.

“Objektif program adalah untuk memperkenalkan budaya dan tradisi Malaysia kepada negara luar selain mengetengahkan pengetahuan serta silang budaya kepada peserta.

“Ia juga menjadi platform memperkenalkan UPM sebagai landasan kepada pembangunan dan kepe-

mimpinan anak muda pada era globalisasi ini,” katanya.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM, Nurunnajwa Nor Aripin berkata dia bersyukur diberi peluang mengikuti program itu.

“Pengalaman ke negara orang sangat berharga selain dapat meningkatkan kemahiran insaniah dari segi komunikasi dan kepimpinan dalam diri.

“Diharap kami dapat memanfaatkan ilmu dipelajari itu untuk memasuki industri selepas tamat pengajian,” katanya.

Antara aktiviti dilakukan termasuk mempersembahkan tarian Saraswati oleh Universiti Udayana, persembahan sajak dari UPM, selain perkongsian ilmu dan pertukaran pendapat berkenaan budaya kedua-dua universiti.